

No. Soalan: 51
PR-1353-L03235

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**
[KOTA BHARU]

TARIKH : **6 NOVEMBER 2017**

SOALAN : **Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah polisi atau amalan pihak Kerajaan melalui Kedutaan Malaysia atau Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara apabila terdapat rakyat Malaysia terlibat dalam sebarang prosiding mahkamah di negara-negara berkenaan.

99

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu atas soalan yang dikemukakan.

2. Berdasarkan kepada perkara 36, Konvensyen Vienna Mengenai Hubungan Konsular Tahun 1963, adalah menjadi tanggungjawab negara yang menahan mana-mana warganegara sesebuah negara asing untuk memaklumkan penahanan tersebut kepada Pejabat Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, Konsulat atau wakil kepada negara tahanan dengan secepat mungkin. Dalam hal ini, setelah pemakluman tersebut diterima, Perwakilan Malaysia dengan secepatnya membuat permohonan untuk mengadakan lawatan konsular ke atas tahanan bagi mengetahui sebab musabab mereka ditahan selain melihat keadaan kesihatan dan kebajikan mereka dalam tahanan. Perwakilan juga akan cuba mendapatkan maklumbalas berhubung dengan pertolongan dan bantuan yang diperlukan oleh tahanan tersebut termasuklah bantuan guaman sekiranya diperlukan. Dalam hal ini, ingin dimaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri dan Pejabat Perwakilan tidak mempunyai peruntukan khusus untuk menanggung sebarang kos perbelanjaan termasuk kos lantikan peguam mahupun lain-lain perbelanjaan. Sebarang kos yang terlibat perlu ditanggung sendiri oleh tahanan atau ahli keluarga tahanan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Setelah semua maklumat diperolehi, ianya akan disalurkan kepada Bahagian Konsular di Kementerian Luar Negeri serta ahli keluarga tahanan untuk keputusan dan tindakan selanjutnya. Di sini saya ingin memaklumkan bahawa terdapat juga tahanan yang enggan memberikan sebarang maklumat berhubung penahanan mereka kepada keluarga masing-masing dan terdapat juga maklumat penahanan yang tidak didedahkan kepada pihak Kedutaan atas permintaan, undang-undang dan peraturan sesebuah negara.

4. Sekiranya tiada halangan daripada mana-mana pihak, Perwakilan akan memaklumkan status tahanan kepada pihak keluarga dan memberikan nasihat bagaimana untuk berurusan dengan pihak berkuasa di negara tersebut termasuk makluman sekiranya keluarga ingin melawat tahanan, menyalurkan bantuan kewangan dan keperluan peribadi serta khidmat guaman kepada tahanan. Pihak Perwakilan juga akan turut mengemukakan senarai firma guaman tempatan yang boleh membantu tahanan tersebut dalam proses perbicaraan di mahkamah. Pemilihan sesebuah firma guaman bagi mewakili tahanan adalah tertakluk kepada keputusan tahanan atau keluarga sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pihak Perwakilan akan sentiasa memantau perkembangan kes serta prosiding mahkamah dari masa ke masa, termasuklah menghadiri sesi perbicaraan sebagai pemerhati sekiranya diminta dan dibenarkan oleh negara tuan rumah. Selain mengaturkan lawatan konsular ke atas tahanan, pendekatan yang sama juga akan diambil bagi prosiding

101

mahkamah yang melibatkan perbicaraan kes-kes sivil lain yang tidak melibatkan penahanan oleh pihak berkuasa.

6. Saya ingin menekankan bahawa Perwakilan kita di luar negara perlu menghormati proses undang-undang tempatan dan tidak boleh mencampuri urusan perundangan sesebuah negara. Namun demikian, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri sentiasa prihatin terhadap kebajikan setiap warganegara Malaysia dan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan dalam sebarang perkara tertakluk kepada kemampuan dan kapasiti yang diperuntukan oleh undang-undang sedia ada untuk memastikan hak dan kebajikan warganegara Malaysia sentiasa terjaga dan melalui proses perundangan yang telus dan adil.

Sekian, terima kasih.